

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 02 April 2017 16:13
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SBM Lahir Graduan EDBM



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



02 APRIL 2017 / 05 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

SBM LAHIR GRADUAN EDBM



UUM ONLINE: 16 graduan yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing diraikan pada Majlis Konvokesyen Diploma Eksekutif Pengurusan Perniagaan (EDBM) Kali ke-11 yang disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Noor Azizi Ismail, di EDC Hotels and Resorts, UUM petang semalam.

Prof. Dr. Noor Azizi Ismail dalam ucapannya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua graduan yang berjaya mengharungi cabaran seterusnya menggenggam segulung diploma, kejayaan hari ini hanyalah satu titik peningkatan dalam kehidupan baik dari segi profesion, kepuasan, nilai diri mahu pun pencapaian hidup.

“Proses panjang ini tidak seharusnya terhenti di sini dalam usaha menambah baik kehidupan dan memenuhi keperluan *stakeholders* lain seperti majikan, keluarga, masyarakat dan negara,” katanya.

Jelasnya, program Diploma Eksekutif merupakan program eksklusif yang dibangunkan untuk golongan pengurusan pertengahan yang bekerja bagi memantapkan skil pengurusan dalam menghadapi persekitaran dan cabaran pengurusan yang semakin kritikal.

“Ini seharusnya menjadi nilai tambah dalam meningkatkan keupayaan kepengurusan dalam setiap graduan yang bekerja dan menjadikan anda semua aset bernilai kepada majikan,” pesannya.

Menurutnya, Diploma Eksekutif Pengurusan Perniagaan UUM merupakan program yang diberikan akreditasi penuh oleh MQA iaitu badan penarafan akademik negara.

“Silibus dan stuktur program ditambah baik secara berkala bagi memenuhi keperluan pelajar, majikan dan persekitaran industri yang rencam dan berubah-ubah,” ulasnya.

Daya tahan dan kemampuan keluar dari lingkaran masalah adalah nilai tambah yang dapat meningkatkan tahap profesionalisma graduan dalam menjalankan aktiviti pengurusan di tempat kerja masing-masing.

Kongsinya, ilmu yang diperolehi sepanjang pengajian meningkatkan kaedah berfikir, melihat, mengenalpasti setiap isu dengan lebih kritikal serta cadangan penyelesaian menambahbaik ke pihak pengurusan lebih tinggi.

“Kemampuan berfikir luar kotak secara kritis dan analitik menjadikan setiap pekerja aset berharga seperti mana dibuktikan di konglomerat ternama dunia dan kemampuan itu lahir dari pelbagai sudut antaranya melalui peningkatan akademik seperti yang graduan lakukan hari ini.

“Diharapkan selaku graduan sulung program EDBM yang mempunyai akreditasi MQA ini dapat meletakkan tanda aras yang disegani oleh majikan masing-masing.

“Jadikanlah detik ini sebagai titik permulaan ke arah pencapaian akademik lebih baik bukannya titik penamat dalam usaha meningkatkan keupayaan akademik,” ucapnya.

Ujarnya, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat amat dituntut oleh agama kerana kekuatan ilmu itu menjadikan seseorang itu bernilai dan dihormati.

Hadir sama, Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah, Timbalan Dekan SBM, Prof. Madya Dr. Fais Ahmad, Penyelaras Program Pengurusan Perniagaan serta Penyelaras Program Diploma Eksekutif Pengurusan Perniagaan.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.